

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN TAHUN BARU 1983

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

TARIKH: 31 DEC 1983

MASA:

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera kepada Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Dalam ucapan Selamat Tahun Baru yang pertama dibuat oleh saya pada tahun lalu, saya telah menegaskan betapa kita perlu bersyukur bahawa Malaysia tidak mempunyai bahaya malapetaka seperti gempa bumi, ribut taufan dan lain-lain. Sepanjang tahun 1982 kita sekali lagi terpelihara dari bermacam malapetaka sama ada semulajadi atau yang disebabkan oleh keganasan manusia. Memang benar baru-baru ini kita menghadapi banjir yang membawa maut kepada beberapa orang. Memang benar kematian akibat nahas di jalan raya masih diparas yang mengeciwakan. Tetapi kita terpelihara dari nasib yang menimpa beberapa negara yang dilanda ribut taufan, gempa bumi, kebuluran, pengangguran, peperangan dan penjajahan oleh kuasa-kuasa asing.

2. Dalam bidang ekonomi, sementara banyak negara-negara, termasuk negara yang maju, mengalami kemerosotan yang teruk, kita di Malaysia, walaupun terpaksa berjimat cermat lebih dari dahulu tetapi tidaklah hingga terpaksa meminta bantuan luar, mengemis dan merana. Ekonomi kita masih kukuh, dan peluang-peluang kerja masih begitu banyak, sehingga banyak kekosongan yang tidak dapat diisikan oleh warganegara.

3. Dalam bidang politik dan keselamatan negara, kita terus stabil. Pada bulan April yang lalu, kita telah mengadakan Pilihanraya Umum dalam suasana yang tenang dan Parti Barisan Nasional sekali lagi diberi kepercayaan meneraju Kerajaan Malaysia. Sepanjang tahun 1982 tidak ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku dan ancaman penganas komunis dapat dibendung dengan berkesan. Perhubungan kita dengan negara-negara asing adalah baik dan persahabatan rapat telah dijalin dengan beberapa negara kecil dalam konteks kerjasama negara-negara membangun, atau 'south-south cooperation.'

4. Saya boleh senaraikan lebih banyak lagi nikmat yang telah kita terima dalam tahun 1982. Sepertimana kita telah bersyukur dahulu, maka kita harus bersyukur sekali lagi dengan perlindungan yang diberi kepada negara kita daripada segala ancaman malapetaka dalam tahun 1982. Alhamdulillah. All praise be to God. Segala puji kepada Allah subhanahu wataala.

5. Nikmat yang kita rasai ini ialah kerana kita menduduki

sebuah negara yang penduduknya tidak lupa daratan, tidak terlalu terpikat dengan kebendaan. Perasaan kita terhadap negara ini adalah istimewa. Sama ada kita dari keturunan Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan atau lain-lain, Malaysia adalah negara kita. Malaysia adalah negara yang kita tumpukan taat setia kita. Malaysia adalah negara yang kita cintai.

6. Ramai warganegara Malaysia kerap lupa akan keistimewaan negara kita ini. Tetapi apabila mereka berdagang ke negeri orang dan mereka merasai berbagai jenis tekanan, bahkan ada kalanya mereka dihina atau dipandang rendah, maka pada ketika itu mereka akan teringat kepada keistimewaan negara sendiri. Apabila mereka balik ke tanah air, maka bukan sahaja mereka akan merasai lega dan senang hati, tetapi perasaan kasih mereka kepada negara sendiri akan menebal dan melanda hati mereka. Mereka akan merasai perasaan ini apabila sahaja menjejak semula bumi bertuah Malaysia tetapi ramai juga yang tidak mahu menyatakannya, kerana sentimen ini kononnya "out of fashion." Kepada golongan seumpama ini, sekarang adalah zaman untuk memburuk-burukkan negara sendiri.

7. Kita tidak menyuruh rakyat Malaysia mendabik dada dan bermegah-megah tetapi kita tidak harus malu kerana kita cintakan negara kita. Pepatah Melayu berkata "Hujan emas perak di negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, masih juga kita inginkan negeri sendiri." Tidak ada manusia yang berhati batu hingga ia tidak sedikit pun

8. Tidak ada satu sebab mengapa kita tidak boleh menyayangi negara di mana kita dilahirkan dan kita membesar. Malaysia, negara yang terpelihara dari berbagai bencana, yang indah, aman dan makmur, yang memberi perlindungan kepada kita, harus menjadi tumpuan taat setia dan kesayangan kita sebagai tanda kesyukuran kita.

9. Tidak sesiapa meminta negara ini disayangi atau meminta rakyat memiliki semangat patriotisme sehingga sanggup membelakangkan agama kita. Kesayangan kepada negara ini tidak melibatkan tentangan terhadap agama Islam khususnya. Memang benar jika patriotisme kita menimbulkan perasaan sombong dan bongkak dan melibatkan peperangan dengan negara Islam lain, seperti yang sedang berlaku di beberapa buah negara, ini adalah bertentangan dengan Islam. Tetapi kita tidak berperang melainkan dengan komunis iaitu musuh Islam. Oleh itu adalah wajar kita memiliki semangat cintakan negara sendiri. Semangat inilah yang dahulu menghancurkan Malayan Union dan membawa kepada kemerdekaan. Oleh itu semangat kebangsaan, patriotisme mestilah disanjung tinggi oleh rakyat, supaya kita terus sanggup mempertahankan negara kita ini dari semua jenis serangan, yang bersenjata atau yang tidak, dan kita sentiasa bersyukur dengan perlindungan yang didapati darinya. Ingat Afghanistan. Yang berjuang untuk membebaskan Afghanistan ialah orang Afghan sendiri. Hanya dengan semangat kebangsaan sahajalah yang Afghanistan dapat dibebaskan. Orang lain yang bukan orang Afghan cuma akan

melafazkan simpati.

10. Semangat sayang kepada negara sendiri tidaklah bermakna semata-mata menikmati segala kemudahan dan kebahagiaan yang boleh dikecap. Mereka yang sayang kepada negara sendiri mestilah berasa bertanggungjawab untuk menjadikan negaranya lebih baik, lebih kuat dan lebih dihormati. Setiap warganegara mestilah mempunyai hasrat untuk menyumbang kepada pembangunan negara yang dikasihi ini.

11. Semenjak kita merdeka, kita telah melancarkan beberapa rancangan pembangunan. Tujuan kita ialah untuk membangunkan negara. Masanya sudah tiba untuk kita memperkatakan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan pembangunan. Apakah pembangunan cuma bermakna pembinaan jalan dan lain-lain kemudahan untuk rakyat sahaja? Atau apakah pembangunan juga bermakna menjadikan negara kita salah satu daripada negara yang maju yang mempunyai kebolehan tersendiri dalam semua bidang? Ada pendapat dari dalam dan luar negeri yang berkata memadai jika kita dapat pendapatan yang cukup dari pengeluaran bahan mentah. Ada pula yang mahu kita menjadi negara perindustrian. Kita telah merasai pahit-manis nasib sebagai pembekal bahan mentah. Sebaliknya, tidak mungkin kita menjadi negara perindustrian tulen. Untuk menjamin kestabilan dan kukuh ekonomi dan keselamatan negara kita, kita terpaksa bergantung kepada kedua-dua punca kekayaan. Hanya kita berpendapat keupayaan kita dalam bidang industri belum seimbang dengan peranan kita sebagai pembekal bahan mentah. Oleh itu maka adalah mustahak kita tumpukan tenaga dan kekayaan kita kepada pembangunan industri ke paras yang boleh membebaskan kita dari manipulasi pasaran bahan mentah oleh negara-negara yang maju. Pengeluaran industri kita mestilah mampu bersaing dengan keluaran dari negara-negara lain dalam pasaran dunia. Hanya yang perlu kita tuntut ialah hak berdagang dalam pasaran dunia seperti juga negara lain berhak memasarkan barangan mereka di pasaran kita. Strategi "import substitute industrialisation" mestilah diganti dengan "export oriented industrialisation" yang tidak bergantung kepada perlindungan dari Kerajaan untuk mendapat kejayaan.

12. Untuk menjayakan strategi ini kita perlu penyertaan rakyat secara bersungguh-sungguh. Kita tahu rahsia bagi menjayakan matlamat kita dan kita mempunyai bekalan tenaga dan material yang cukup untuk melaksanakan rancangan kita. Tetapi tenaga dan material dengan sendirinya tidak memadai. Lebih penting dari itu ialah kesanggupan rakyat di semua peringkat bekerja dengan penuh didikasi dan disiplin. Janganlah kita cuai dalam menjalankan tugas atau terlalu memilih kerja, atau kita enggan berdisiplin. Janganlah kita fikir semata-mata berkenaan dengan kepentingan diri sendiri tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat dan negara. Sebaliknya anggapkanlah pembangunan dan pencapaian matlamat negara sebagai pembangunan diri sendiri, kerana sebenarnya pembangunan negara akhirnya akan membawa kebahagiaan dan keuntungan kepada diri sendiri. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

13. Kita tidak semata-mata ingin menjadikan negara kita negara yang berindustri, tetapi kita juga ingin persekitaran yang indah. Bagi tujuan ini arahan telah diberi kepada semua agensi kerajaan dan kuasa-kuasa tempatan untuk membersihkan kawasan dan memperindahkan alam sekeliling. Hasilnya sudah pun dapat dilihat. Tetapi sekali lagi usaha seperti ini tidak akan memberi hasil yang berpatutan jika rakyat tidak bekerjasama. Bagi masyarakat yang tidak menjaga kebersihan dan keindahan, seribu arahan dan seribu pekerja tidak akan dapat memperbaiki keadaan. Oleh itu bersama-samalah kita berusaha menjaga alam sekeliling kita, membersihkan dan mengindahkannya supaya tidak siapapun akan keciwa. Jagalah kampung halaman, bangunan dan bandar, pantai dan taman seolah-olah semuanya adalah milik kita sendiri. Sepertimana kita tidak suka orang lain merosak dan mengotorkan alam sekeliling kita, begitulah pula kita perlu menjaga kebersihan dan keindahan sekitar kita. Kekayaan tidak bermakna, dan pembangunan tidak berguna tanpa "quality" dalam kehidupan kita. Malaysia bukan sahaja harus membangun tetapi harus indah. Akhirnya rakyat juga yang akan menikmati keindahan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan.

14. Adalah menjadi satu amalan di kalangan orang Barat bahawa sebagai menyambut tahun baru, mereka membuat resolusi-resolusi mengenai apa yang akan diamalkan oleh mereka dalam tahun baru. Amalan ini adalah satu amalan yang baik jika resolusi yang dibuat adalah untuk berbuat baik dan mereka betul-betul mengamalkannya.

15. Memandang kepada ini mungkin ada baiknya jika pada hari kita menyambut tahun 1983 ini, kita membuat beberapa resolusi. Bagi kerajaan, resolusinya ialah untuk terpelihara dari segala macam bencana yang diramalkan akan berlaku kepada negara kita. Segala usaha yang diperlukan meneruskan amalan kepimpinan melalui tauladan, atau "leadership by example."

16. Bagi rakyat pula, saya syorkan resolusi untuk hidup rukun damai antara kaum dan keturunan, untuk menyingkirkan tabiat memilih kerja atau malas bekerja, untuk mengukuhkan disiplin dan akhir sekali untuk menebalkan semangat cinta kepada negara. Saya tujukan syor ini kepada semua rakyat Malaysia, tidak kira keturunan atau agama. Bersama-samalah kita berganding bahu untuk menghadapi cabaran tahun 1983, supaya kita dapat mendirikan sebuah negara yang indah dan makmur, stabil dan kukuh yang dihormati oleh dunia.

17. Saya memohon ke hadrat Allah subhanahu wataala supaya permintaan kita dimakbulkan. Saya mengucapkan "Selamat Tahun Baru" kepada tuan-tuan dan puan-puan dan saudara-saudari sekalian. Bersuka-sukalah secara sederhana dan peganglah kepada resolusi-resolusi yang disarankan. Mudah-mudahan kita akan mendapat kebahagiaan, Inshaallah. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

